

BAB 4

PENGGOLONGAN KATA

Pengenalan

Morfologi atau bidang pembentukan kata ialah satu bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Untuk makluman kajian ini, bidang yang akan dikaji ialah penggolongan kata dan pembentukan kata. Pengkelasan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota lain dalam golongan yang sama. Sementara pembentukan kata merupakan unit tatabahasa sama ada berbentuk tunggal atau merangkumi proses pemajmukan, penggandaan dan pengimbuhan. Seperti bahasa-bahasa lain, variasi kreol Kristang juga mengandungi elemen-elemen linguistik yang dapat dikaji berdasarkan bidang morfosintaksis.

Perbincangan di dalam bab ini akan difokuskan kepada morfologi kreol Kristang yang merangkumi pengkelasan kata serta subkategorinya dan proses pembentukan kata iaitu penggandaan, pemajukan dan lain-lain.

4.1 Kata nama

Kata nama ditakrif sebagai rujukan nama kepada benda, tempat, manusia atau sesuatu perkara. Di dalam variasi kreol Kristang, kata nama terbahagi kepada kata nama am, kata nama khas dan kata gantinama. Kata nama mempunyai pelbagai sifat iaitu berfungsi sebagai unsur inti dalam binaan frasa nama, boleh didahului oleh kata tunjuk (*ini-isi/isti, itu-ake/akeli*) untuk menunjukkan rujukan tertentu atau menunjukkan sifat milik (kepunyaan) dengan penggunaan ‘sa’

(Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan II, Baris 7)

Misalnya :-

- i) *Mello sa kaza (Kristang)*
Mello punya rumah (B.M.)
- ii) *Akeli Tom (Kristang)*
Itu Tom (B.M.)
- iii) *Isti teng mia kaza (Kristang)*
Ini saya rumah (B.M.)

a) *Kata nama am*

Kata nama am ialah perkataan yang merujuk kepada benda atau perkara. Ia dibezakan daripada kata nama khas berdasarkan sifat umumnya dan wujud bersama-sama kata adjektif atau kata penentu (**Abdul Razak 1992:158**). Kata nama am terbahagi kepada kata nama am konkrit (tidak bernyawa tetapi boleh dilihat) dan kata nama am abstrak (bersifat abstrak, hanya dapat dibayangkan)

Misalnya :- (**Rujuk Lampiran II, MS 135 & 136**)

Kata nama konkrit

<u>Kristang</u>	<u>B.M.</u>
<i>kaza</i>	rumah
<i>kadeira</i>	kerusi
<i>porta</i>	pintu
<i>kacharu</i>	anjing
<i>garfu</i>	garpu

Kata nama abstrak

<u>Kristang</u>	<u>B.M.</u>
<i>sintidu</i>	perasaan
<i>leembransa</i>	fikiran
<i>kauzu</i>	alasan
<i>uzu</i>	adat

Contohnya : (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan II, MS 126 & 127*)

- a) *Keng ta abri akeli porta? (Kristang)*
Siapa yang membuka pintu? (B.M.)
- b) *Welcome na nosska kaza (Kristang)*
Jemput datang kami rumah (B.M.)
- c) *Nos kumi kum mang or kum kulir garfu (Kristang)*
Kami makan dengan tangan atau garpu (B.M.)

Kata nama am dalam variasi kreol Kristang juga mengandungi ciri kata nama am berbilang (yang didahului oleh kata bilangan atau penjodoh bilangan) dan kata nama am tak berbilang (tidak dapat dibilang atau digandakan)

Contohnya : (*Rujuk Lampiran II, MS 132, 134, 135 & 138*)

Kata nama berbilang

Kristang B.M.

baka lembu
kopi cawan
pesi ikan

Kata nama tak berbilang

Kristang B.M.

agu air
farinya tepung
lama lumpur

Baka akeli sek Peggy (Kristang)
Lembu itu kepunyaan Peggy (B.M.)

b) Perbezaan jantina

Salah satu ciri unik elemen linguistik yang dapat dikenalpasti dalam variasi kreol Kristang ialah sejumlah golongan kata nama yang

menunjukkan perbezaan jantina iaitu bentuk jantan dan betina.

Misalnya :- (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan IV, MS 131*)

Kristang

B.M.

<i>bela</i>	wanita tua
<i>belu</i>	lelaki tua
<i>tia</i>	makeik
<i>tiu</i>	pakcik
<i>fila</i>	anak perempuan
<i>filu</i>	anak lelaki
<i>subrinyu</i>	anak buah lelaki
<i>subrinya</i>	anak buah perempuan

Jelaslah daripada analisis data informan (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan IV, MS 131*) perbezaan bentuk jantina ini juga wujud dalam bahasa Portugis dan variasi kreol berunsur Portugis yang lain.

Misalnya:- (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan II, MS 128*)

Olotudu teng nossa subrinyu e subrinya (Kristang)
Mereka adalah anak buah saya (B.M.)

Daripada contoh yang dikemukakan, nyatakan perubahan berlaku pada bunyi vokal ‘a’ diakhir kata yang mewakili jantina ‘perempuan’ dan vokal ‘u’ pula mewakili bentuk jantina lelaki misalnya perkataan *fila* (anak perempuan) dan *filu* (anak lelaki) walaupun tiga fonem awalnya adalah sama iaitu fonem [f,i & l]. Ini merupakan satu unsur ketara kreol Kristang yang dapat dikenal pasti (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan II, MS 127*).

c) *Kata nama khas*

Kata nama khas pula merujuk kepada nama sesuatu benda atau orang yang bersifat khusus. Ia terbahagi kepada kata nama khas hidup yang merujuk kepada manusia dan kata nama khas tidak hidup yang merujuk kepada benda. Salah satu ciri kata nama khas ialah ia tidak boleh digandakan dan tidak diikuti oleh kata adjektif. Dengan kata lain, ia merupakan rujukan khusus iaitu nama yang tidak dimiliki oleh unsur lain (Abdul Razak 1992:157). Berikut dikemukakan contoh-contoh kata nama khas dalam variasi kreol Kristang yang merupakan rujukan khas bagi nama orang, benda atau tempat tertentu.

Rajah 5 Kata nama Khas Kristang - B.M.

Nama Orang		Nama Benda		Nama Tempat	
<u>Kristang</u>	<u>B.M.</u>	<u>Kristang</u>	<u>B.M.</u>	<u>Kristang</u>	<u>B.M.</u>
Juan	John	Kareta	Kereta	Malaka	Melaka
Maria	Mary	Greza Assunta	Gereja Assumption	Japang	Jepun
San Pedro	St. Peter	Ruek	Jalan	La Grandi	Pulau Besar
Kristang	Nasrani	Porta di Santiago	Pintu Santiago	Ropiano	Eropah

Sumber : (Rujuk Lampiran II, MS 135 & 138)

Dalam kes-kes tertentu daripada analisis data sampel, didapati rujukan kata nama khas variasi kreol Kristang mempunyai sifat yang unik iaitu kekadang ia mungkin berfungsi sebagai kata nama dengan mengambil kira kata tunjuk atau kata bilangan.

Misalnya :- (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan III , MS 129 & 130*).

- a) *Kepuk kal ngua? (Kristang)*
Kotak yang mana? (B.M.)
- b) *Kepuk akeli (Kristang)*
Kotak itu (B.M.)
- c) *Kada natal (Kristang)*
Setiap Krismas (B.M.)
- d) *Isti chincalok (Kristang)*
Ini chincalok (B.M.)
- e) *Isti teng sop kabra (Kristang)*
Ini sup kambing (B.M.)

Nyatalah daripada contoh di atas, keunikan elemen linguistik kreol Kristang dalam bentuk rujukan kata nama khas dengan kata bilangan dan kata tunjuk dapat dikenalpasti walaupun binaan unsur ini jarang berlaku dalam struktur nahu bahasa Melayu.

4.2 Kata Ganti Nama

Kata ganti nama ialah bentuk kata yang digantikan pada kata nama am atau kata nama khas dan tidak boleh digandakan. Kata ganti nama ini dibahagi kepada dua kategori iaitu:-

- a) Kata ganti nama - berfungsi untuk menunjukkan sesuatu benda atau perkara. Dalam variasi kreol Kristang terdapat dua jenis kata ganti nama tunjuk iaitu isi/isti (ini - B.M. dan ake/akeli (itu - B.M.). Kedua-dua kata

isti dan *akeli* berkait rapat dengan jarak iaitu *isti* (ini) merujuk kepada jarak dekat orang yang bercakap dan kata *akeli* (itu) merujuk kepada jarak jauh.

Contoh : (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan I, MS 123*).

- a) *Isti kadeira (Kristang)*
Ini kerusi (B.M.)
 - b) *Akeli kama drumi (Kristang)*
Itu bilik (B.M.)
 - c) *Isti restoran ja dekora mui tu bunitu (Kristang)*
Ini restoran dihiasi dengan baik (B.M.)
 - d) *Akeli pintura na paredi mui tu bunitu (Kristang)*
Itu gambar amat cantik (B.M.)
- b) *Kata ganti nama diri* - merupakan rujukan khusus kepada manusia iaitu orang pertama, orang kedua dan orang ketiga. Berikut adalah contoh sistem kata ganti nama diri dalam variasi kreol Kristang yang terdiri daripada bentuk tunggal dan jamak.

Rajah 6 Bentuk Panggilan Kristang - B.M.

Kata ganti nama diri (kreol Kristang)

Orang	Tunggal	Jamak
Pertama	<i>Yo</i> - saya, aku (B.M.)	<i>Nos</i> - kami (B.M.)
Kedua	<i>Bos</i> - kamu, anda (B.M.)	<i>Bolatu</i> - kamu semua (B.M.)
Ketiga	<i>Eli</i> - dia, ia (B.M.)	<i>Olotudu</i> - mereka (B.M.)

Sumber : (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan II, MS 126*)

Kata ganti nama diri ketiga tunggal variasi kreol Kristang iaitu *eli* (dia), mempunyai sifat yang unik dan kemungkinan merupakan rujukan [manusia] atau [bukan manusia]. Kata ganti nama diri ketiga *eli* yang mempunyai bentuk rujukan pengganti yang sama dengan bentuk ‘he atau she’ yakni kata ganti nama diri ketiga bahasa Inggeris. Kekecualian di sini ialah kata gantinama diri ketiga variasi kreol Kristang (*eli*) tidak merujuk kepada jantina tertentu, penggunaannya adalah bersifat umum dan fleksibel - ia boleh digunakan sebagai rujukan lelaki atau rujukan perempuan atau kedua-duanya menggunakan bentuk ‘he’ - rujukan lelaki dan bentuk ‘she’ - sebagai rujukan perempuan.

Contoh : (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan II & III, MS 126 & 129*)

- i) *Eli ta farzay sibrisu na faktori (Kristang)*
He/She is working in the factory (B. Ing)
Dia bekerja di kilang (B.M.)
- ii) *Kclair Mona klair teng bong? (Kristang)*
Hello Mona, apa khabar? (B.M.)
- iii) *Hi, Pedro bos ja acha bong restu? (Kristang)*
Hi, Peter kamu sudah berehat? (B.M.)
- iv) *Nossa kumiria kada dia aros (Kristang)*
Makanan ruji kami ialah nasi (B.M.)

Juga daripada data kajian dan bukti informan dapat disimpulkan, kata ganti nama diri ketiga kreol kristang mempunyai satu bentuk dan satu fungsi sahaja iaitu kata gantinama diri pertama bentuk *yo* merupakan rujukan bagi orang pertama tunggal. Begitu juga dengan bentuk *bos* dan *eli* yang masing-masing menjadi rujukan bagi orang kedua dan orang ketiga tunggal. Hal yang sama berlaku untuk bentuk jamak (*sila rujuk rajah No.6*). Sifat ini kemungkinan disebabkan Kristang dikategorikan

sebagai variasi kreol dan ia merangkumi elemen linguistik yang direduksi bentuk dan fungsinya.

Seperkara lagi yang dibincangkan ialah penggunaan bentuk panggilan tertentu dalam variasi kreol Kristang. Penggunaan kata ganti nama diri kedua mempunyai beberapa kekecualian. Lazimnya kata ganti nama diri kedua tunggal *bos* (kamu - B. Melayu) tidak boleh diguna sebagai bentuk panggilan secara sewenang-wenangnya. Mengikut respon informan, *bos* hanya boleh digunakan bila bertutur dengan rakan sebaya segenerasi untuk mewujudkan kemesraan dalam pertuturan tidak formal. Dalam konteks formal pula, bentuk ini hanya digunakan sekiranya wujud hubungan mesra di antara penutur dan orang yang dilawan bicara serta ia merupakan kenalan lama.

Terdapat beberapa bentuk panggilan yang digunakan dalam pertuturan domestik di antara ahli keluarga dan tetangga. Lihat contoh berikut:

Misalnya : - (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan IV, MS 131*)

Kristang	B.M.
<i>mai, ma</i>	ibu
<i>pai, pa</i>	bapa
<i>abo pai, gaempa</i>	datuk
<i>abo mai, gaemma</i>	neneh
<i>tia, angkel</i>	pakcik
<i>tiu, aenti</i>	makcik

Bentuk panggilan *angkel* dan *aenti* juga digunakan untuk orang yang lebih tua (bukan ahli keluarga) sebagai menunjukkan tanda hormat dan kesantunan bahasa dalam pertuturan harian. *Abo* (grandparent) merupakan bentuk panggilan yang digunakan oleh masyarakat Kristang sebagai

rujukan untuk orang tua (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan IV, MS 131*).

Perkataan *ba* dan *nona* yang berasal dari variasi kreol Baba-Melayu iaitu *baba* (rujukan lelaki) dan *nyonya* (rujukan perempuan) biasanya digunakan oleh orang tua sebagai rujukan kepada golongan lelaki dan wanita muda (*Chia, F 1980:41*). Contoh ini jelas menunjukkan berlakunya peminjaman unsur kreol Baba-Melayu akibat daripada asimilasi budaya kacukan yang wujud di Melaka sejak zaman dahulu lagi. Bentuk *ba* juga digunakan oleh komuniti Kristang sebagai rujukan timangan bagi kanak-kanak.

4.3 Kata kerja

Kata kerja merangkumi perkataan-perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa kerja. Kata kerja biasanya berfungsi sebagai predikat ayat dan menunjukkan perbuatan atau keadaan melakukan sesuatu. Di dalam variasi kreol Kristang, kata kerja yang dapat dikenalpasti terdiri daripada:

- i) **Kata kerja tak transitif** - iaitu kata kerja yang tidak memerlukan objek atau pemyambut. Ia boleh berdiri sendiri.

Contohnya: (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan II, S 127 & 128*)

- a) *Yo ta kure (Kristang)*
Saya sedang berlari (B.M.)
- b) *Yo ta santa (Kristang)*
Saya sedang duduk (B.M.)
- c) *Kclair akeli ortu? (Kristang)*
Bagaimana yang lain? (B.M.)
- d) *Beng bebe (Kristang)*
Sila minum (B.M.)

Kata kerja tak transitif (*Rujuk Lampiran II, MS 134 & 136*)

Kristang	B.M.
<i>lapokuk</i>	mandi
<i>santa</i>	duduk
<i>drumi</i>	tidur
<i>kure</i>	berlari
<i>reza</i>	sembahyang
<i>kumi</i>	makan
<i>bebe</i>	minum
<i>kanta</i>	menyanyi

Daripada contoh di atas, jelas menunjukkan kata kerja tak transitif variasi kreol Kristang boleh wujud secara bersendirian tanpa objek (sila rujuk contoh a (i),(ii)) atau terdiri daripada unsur pelengkap untuk menyempurnakan maksud ayat. Tanpa pelengkap ayat menjadi tidak gramatis.

Misalnya:- (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan III, MS 129 dan data informan*)

- a)(i) *Yo te lapokuk (Kristang)*
 Saya sedang mandi (B.M.)
- (ii) *Yo lapokuk tres be kadodiyak (Kristang)*
 Saya mandi tiga kali setiap hari (B.M.)
- b) *Kumiria ja lesti (Kristang)*
 Makan malam sudah siap (B.M.)
- c) *Yo gosta kanta (Kristang)*
 Saya suka menyanyi (B.M.)

Terdapat juga satu lagi kategori kata kerja tak transitif tanpa pelengkap iaitu kata kerja yang boleh berdiri sendiri sebagai unsur predikat dalam ayat. Kata kerja ini menyempurnakan makna ayat tanpa pergantungan kepada unsur keterangan.

Unsur keterangan ini bersifat opsional (iaitu boleh hadir atau tidak hadir) dalam ayat. Ia berfungsi sebagai pemberi maklumat tambahan.

Contoh: (*Data informan & pemerhatian kendiri*)

kata kerja tak transitif berpelengkap

- a) *Yo ta reza (Kristang)*
Saya sedang bersembahyang (B.M.)

atau kata kerja tak transitif tanpa pelengkap (unsur keterangan)

- b) *Yo ta reza (na greza) (Kristang)*
Saya sedang bersembahyang (di gereja) (B.M.)

- ii) Kata kerja transitif - merupakan kata kerja yang memerlukan objek atau pemyambut iaitu terdiri daripada frasa nama untuk melengkapkan maksud ayat. Tanpa objek, ayat menjadi tidak gramatis.

Contoh : (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan I, MS 124 & data informan*)

- a) *Susik laba ropa (Kristang)*
Kakak cuci baju (B.M.)
- b)* *Susik loba (Kristang)*
* Kakak cuci (B.M.)
- c) *Yo sibri a-zay-ti gas (Kristang)*
Saya menggunakan minyak tanah (B.M.)
- d) *Yo ta frizi karni dibaka (Kristang)*
Saya menggoreng daging (B.M.)
- e) *Nos teng mesmi kompitisang (Kristang)*
Kami juga mengadakan pertandingan (B.M.)

Kata kerja transitif dalam variasi kreol Kristang boleh disubklasifikasikan kepada beberapa jenis. Pembahagian frasa nama boleh dibuat di antara kata kerja yang berfungsi sebagai subjek dan objek dalam ayat. (seperti dalam ayat (a) berikut)

Contoh : (**Data informan & pemerhatian kendiri**)

- a) *Yo rondadik imang (Kristang)*
Saya pujuh adik (B.M.)
- b) *Yo rondadik yo sek imang (Kristang)*
Saya pujuh saya adik (B.M.)

Daripada ayat (b) pula, kata kerja yang digunakan terdiri daripada kata kerja transitif aktif yang memerlukan unsur inti frasa nama tambahan bersama-sama dengan frasa nama lain yang berfungsi sebagai subjek dan objek dalam ayat misalnya ‘saya’ dalam ayat (b). Satu lagi keunikan elemen linguistik kreol Kristang yang dapat dikenalpasti daripada analisis data penyelidik ialah dua jenis kata kerja transitif yang mungkin berfungsi sebagai kata kerja tak transitif.

Misalnya objek kata kerja transitif berfungsi sebagai subjek dalam kata kerja tak transitif seperti dalam ayat (b) iaitu ‘kadeira’.

Contoh : (**Data informan & pemerhatian kendiri**)

- a) *Mona ja faze kai akeli kadeira (Kristang)*
Mona menjatuhkan itu kerusi (B.M.)
- b) *Kadeira akeli ja kai (Kristang)*
Kerusi itu jatuh (B.M.)

Kata kerja di dalam contoh di atas iaitu *ja kebra* terdiri daripada kata kerja kausatif yang merupakan kata kerja transitif aktif dengan unsur subjek sebagai pelaku. Antara perkataan kreol Kristang yang merangkumi kata kerja tersebut

ialah : (**Rujuk Lampiran II, MS 135 & 136**)

Kristang	B.M.
----------	------

<i>kebra</i>	pecah
<i>kotra</i>	potong
<i>kuze</i>	masak
<i>laba</i>	cuci
<i>bare</i>	sapu

Begitu juga dengan ayat berikut yang terdiri daripada kata kerja aktif yang mengalami pengguguran objek di dalam konteks ayat.

Contoh :

- i) *Yo ta kumi bredu (Kristang)*
 Saya sedang makan sayur (B.M.)

- ii) *Yo ta kumi (Kristang)*
 Saya sedang makan (B.M.)

Jelaslah ayat (i) walaupun mengalami pengguguran objek *bredu* namun ia masih dianggap sebagai ayat gramatis dan ini merupakan salah satu unsur ketara kata kerja transitif aktif kreol Kristang yang dapat dikenalpasti. Data yang dikemukakan sebagai contoh di atas adalah hasil perbualan penyelidik dengan informan Kristang di perkampungan Portugis, Melaka.

Di dalam variasi kreol Kristang terdapat sejenis kata kerja **teng** yang mempunyai keunikan ciri tatabahasa serta mempunyai dua fungsi iaitu:-

- i) **teng** sebagai kata kerja tak transitif dengan maksud ‘ada’

- ii) **teng** sebagai kata kerja transitif dengan maksud ‘punya/miliki’

Kedua-dua fungsi ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

Contoh : (*Rujuk Lampiran I,Sesi Perbualan III, MS 129 dan data informan*)

- i) *Ne tra yo sek kaza teng enguek posuk (Kristang)*
Di belakang rumah saya ada satu perigi (B.M.)
- ii) *Eli teng kuatuk susik (Kristang)*
Dia mempunyai empat kakak (B.M.)
- iii) *Nos amis tantu teng tres principal kumiria (Kristang)*
Kami mempunyai tiga hidangan utama (B.M.)
- iv) *Eli se pai teng tantu doi (Kristang)*
Dia punya bapa mempunyai banyak duit (B.M.)

Kedua-dua fungsi teng iaitu ‘ada dan mempunyai’ yang wujud dalam variasi kreol Kristang juga wujud di dalam variasi kreol Portugis yang lain dan kemungkinan merupakan salah satu ciri linguistik yang lazim bagi variasi kreol seperti menepati kata-kata Bickerton iaitu:

“...it has been observed that in a number of different creole languages a single lexeme functions both as an existential and as a possession indicator and it has been suggested that such a feature may be typical of creoles...” (Bickerton 1981:66).

4.4 Kata Adjektif

Kata adjektif atau kata sifat berfungsi menerangkan keadaan atau sifat sesuatu katanama atau frasa nama. Kata adjektif boleh diikuti oleh unsur keterangan yang terdiri daripada kata bantu atau kata penguat iaitu *bomong* yang bermakna ‘sangat’ dalam Bahasa Melayu.

Contoh :

- a) *Bos ja sai bomong sedu (Kristang)*
Anda balik sangat awal (B.M.)

Kata adjektif dalam variasi kreol Kristang mempunyai fungsi sebagai unsur predikat.

Misalnya :- (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan II, MS 127*)

- i) *Akeli kareta bedri (Kristang)*
Itu kereta hijau (B.M.)
- ii) *Isti sala muiti susegadu (Kristang)*
Ruang tamu ini amat selesa (B.M.)

Tambahan pula, kata adjektif variasi Kristang boleh dibahagikan kepada beberapa jenis berdasarkan kriteria makna yang didokong oleh sesuatu kata adjektif itu. Setiap jenis kata adjektif ini akan dibincangkan di bawah berserta dengan contoh-contoh daripada data informan.

a) **Kata adjektif sifatan/keadaan/perasaan**

Kata adjektif sifatan ialah yang terdiri daripada kata yang menerangkan perincian kualiti tertentu pada tabiat atau kelakuan manusia. Kata adjektif ini menjadi unsur keterangan kepada kata nama. Berikut dikemukakan beberapa kata adjektif sifatan variasi Kristang. (*Rujuk Lampiran II, MS 133 & 134*)

Kristang	B.M.
<i>bong</i>	baik
<i>besta</i>	bodoh
<i>alegri</i>	gembira
<i>siumi</i>	dengki
<i>rayuk</i>	jahat
<i>caduk</i>	bijak
<i>cumbuk</i>	malas

Contoh: (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan II, MS 126 dan data informan*)

- a) *Eli infadu (Kristang)*
 Dia kesedihan (B.M.)
- b) *Eli bong ngua omi (Kristang)*
 Dia seorang lelaki baik (B.M.)
- c) *Yo muti alegri (Kristang)*
 Saya amat gembira (B.M.)
- d) *Imang yo sek kade rayuk (Kristang)*
 Adik saya sangat nakal (B.M.)

b) Kata adjektif warna

Kata adjektif warna ialah kata adjektif yang membawa pengertian warna sebagai unsur keterangan ayat. Di antara contoh-contoh dalam kreol Kristang ialah *pretu* (hitam), *aizul* (biru), *berdi* (hijau), *kloir diisinza* (kelabu).

Misalnya:- (*Rujuk Lampiran II, MS 135*)

- a) *Akeli kareta bedri eli sa (Kristang)*
 Itu kereta hijau dia punya (B.M.)

c) Kata adjektif ukuran

Kata adjektif ukuran ialah perkataan yang memberi pengertian ukuran sebagai unsur keterangan. Jenis perkataan Kristang yang membawa pengertian ukuran ialah seperti berikut:

Kristang	B.M.
<i>grandi</i>	besar
<i>altu</i>	tinggi
<i>kumpridu</i>	panjang

Contoh : (**Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan II, MS 127**)

- i) *Akeli kaza grandi kade altu (Kristang)*
Itu bangunan sangat tinggi (B.M.)
- ii) *Pedro, beng ngkontra rancho dimia grandi familia(Kristang)*
Peter, mari berkenalan dengan keluarga saya yang besar (B.M.)
- iii) *Eli sek kabeluk kade kumpridu (Kristang)*
Dia punya rambut sangat panjang (B.M.)

d) **Kata adjektif panca indera**

Kata adjektif panca indera terdiri daripada perkataan-perkataan yang memberi pengertian konsep rasa, pandang, dengar, bau dan sentuh. Kata adjektif ini menjadi penerang kata nama.

Misalnya:- (**Rujuk Lampiran I & II, Sesi Perbualan II, MS 128 & 138**)

Kristang	B.M.	Kristang	B.M.
<i>friu</i>	sejuk	<i>porkoria</i>	kotor
<i>kenti</i>	panas	<i>redonu</i>	bulat
<i>dosi</i>	manis	<i>salgadu</i>	masin
<i>bunitu</i>	cantik		
<i>sabrozu</i>	sedap		

- a) *Yo ja bebe agu friu (Kristang)*
Saya minum air sejuk (B.M.)
- b) *Isti mar mutu bunitu (Kristang)*
Itu laut amat cantik (B.M.)
- c) *Oh! Obrigadu. Isti muiji sabrozu (Kristang)*
Oh! Terima Kasih. Ia amat sedap (B.M.)

e) **Kata adjektif masa**

Kata adjektif masa iaitu perkataan yang berfungsi untuk memberi pengertian tentang konsep masa sebagai unsur keterangan misalnya *prestadu* (cepat) dan *bagar* (perlahan)

Contoh :

- a) *Yo ja kure bagar (Kristang)*
 Saya berlari perlahan-lahan (B.M.)

- b) *Eli ja anda prestadu (Kristang)*
 Dia berjalan pantas (B.M.)

f) **Kata adjektif jarak**

Kata adjektif jarak ialah perkataan yang memberi pengertian konsep ruang antara dua benda atau keadaan iaitu dari penutur kepada benda yang dirujuknya. Kata adjektif ini menjadi penerang kata nama misalnya *lonzi* (jauh), *petu* (dekat) dan *fundu* (dalam).

Contoh: (**Data informan**)

- i) *Klair fundu isti lama? (Kristang)*
 Berapa dalam itu lumpur? (B.M.)

- ii) *Klair lonzi bos sa kaza? (Kristang)*
 Berapa jauh anda rumah? (B.M.)

Daripada penerang kata adjektif kreol Kristang di atas, dapat disimpulkan terdapat persamaan perjenisan kata adjektif kreol Kristang dengan perjenisan golongan kata adjektif dalam nahu Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Ini kemungkinan disebabkan oleh unsur penyerapan yang berlaku akibat pertembungan budaya semasa penjajahan barat.

Satu lagi keunikan linguistik kata adjektif variasi kreol Kristang yang dapat dikenalpasti daripada data informan ialah perbezaan jantina yang merujuk kepada orang iaitu *bela* (rujukan tua bagi perempuan) dan *belu*

(rujukan tua bagi kaum lelaki). Kedua-dua kata adjektif *bela* dan *belu* ini hanya berfungsi dengan kata nama (**Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan IV, MS 131**). Misalnya *omi* (lelaki) dan *mule* (perempuan).

Contoh: (**Rujuk Lampiran II, MS 133**)

- a) *Ngua omi belu (Kristang)*
Seorang lelaki tua (B.M.)
- b) *Ngua mule bela (Kristang)*
Seorang perempuan tua (B.M.)

Walaubagaimanapun penggunaan perkataan *omi* dan *mule* kurang digunakan dalam konteks perbualan harian di kalangan komuniti Kristang kini. Kata adjektif yang mewakili rujukan *tua* yang lazim digunakan oleh informan dalam perbualan (pemerhatian penyelidik) ialah *belu* tanpa mengambilkira jantina kerana ia merupakan rujukan untuk lelaki atau perempuan. Semantara perkataan *bela* dan *belu* mewakili rujukan kata nama untuk lelaki tua (*belu*) dan perempuan tua (*bela*).

Contoh: (**Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan IV, MS 131**)

- a) *Abo pai teng belu (Kristang)*
Saya datuk adalah lelaki tua (B.M.)
- b) *Abo mai teng bela (Kristang)*
Saya nenek adalah perempuan tua (B.M.)

Mengikut informan (daripada generasi tua) kata adjektif *belu* yang membawa maksud tua digunakan secara umum dan disempitkan maknanya untuk mengelakkan kekeliruan. Kemungkinan penggunaan makna kata adjektif yang disempitkan ini merupakan salah satu ciri variasi kreol yang merangkumi beberapa elemen linguistik.

4.5 Kata Tugas

Kata tugas ialah sejenis perkataan yang hadir dalam ayat, klausa atau frasa untuk mendukung sesuatu tugas sintaksis sama ada sebagai penghubung, penerang, pembantu, pendepan, pemberar, atau tugas-tugas lain. Kata ini bertugas sebagai unsur inti dalam frasa sendinama iaitu bahagian predikat. Dalam variasi kreol Kristang, kata tugas ini boleh dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu :

- a) *kata hubung* - iaitu kelompok perkataan yang berfungsi untuk menghubungkan dua binaan ayat atau lebih menjadi satu bentuk ayat yang lengkap. Contoh kata hubung ini ialah **ku** yang berfungsi sebagai ‘dan’ atau ‘dengan’ dalam bahasa Melayu.

Misalnya :- (**Data informan**)

- a) *Branyo membes teng biola ku floi (Kristang)*
Tarian branyo diikuti oleh muzik seruling dan violin (B.M.)
- b) *Peter ke John logu sigi ku bos (Kristang)*
Peter atau John akan pergi dengan kamu (B.M.)

Satu lagi ciri kata hubung yang dapat dikenalpasti dalam kreol Kristang ialah kata hubung **ke** yang membawa maksud ‘atau’

Misalnya :- (**Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan I, MS 123**)

- a) *Justu dos ke tres (Kristang)*
Hanya dua atau tiga (B.M.)
- b) *Dinossa festa di San Pedro por peskador ke mas popular(K)*
Pesta kami yang terkenal iaitu St Peter, Datuk nelayan (B.M.)

Selain dari itu kata hubung **atu** (yang bermaksud ‘atau’ dalam Bahasa Melayu) kemungkinan merupakan unsur peminjaman yang diasimilasikan ke dalam nahu kreol Kristang menurut data informan tetapi penggunaannya kurang lazim

sekarang. Kata hubung ***ke*** variasi kreol Kristang wujud juga dalam variasi kreol tempatan Melaka lain seperti variasi Baba-Melayu dan variasi Bazaar Melayu yang mempunyai fungsi yang sama, hanya bentuknya berbeza iaitu unsur ***kah*** dalam variasi Baba-Melayu (data responden).

Contoh :

Peter kah John nanti pergi sama lu (Baba-Melayu)
Peter ke Juan logu sigi ku bos (Kristang)

Hal ini jelas membuktikan kenyataan yang dikemukakan oleh Lim (1981) iaitu kata hubung Kristang ***ke*** merupakan unsur yang diambil dari elemen linguistik bahasa Melayu iaitu partikel ***kah*** dan mempunyai persamaan fungsi dengan unsur yang wujud dalam variasi kreol Baba-Melayu (**Lim 1981 : 95 & 96**).

Satu lagi unsur ketara bentuk kata hubung variasi Kristang yang merangkumi binaan jenis (jika tidak, maka) dapat dilihat dalam contoh berikut: (*kantu ngka Michael, Rio lo*)

Misalnya :-

Kantu ngka Michael Rio lo kumi ake bolu (Kristang)
Jika tidak Michael maka Rio akan makan kek itu (B.M.)

Bentuk ini walaupun dikategorikan sebagai kata hubung Kristang dan agak lazim penggunaannya dalam konteks perbualan sehari-hari masyarakat Kristang tetapi binaan ini merupakan binaan kata hubung dua klausa.

4.6 Kata bantu

Kata bantu ialah kata-kata yang membantu frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendinama dengan menimbulkan tambahan makna dari segi waktu. Kata bantu aspek ialah perkataan yang menimbulkan suasana masa yang berbeza iaitu masa

lampau, masa kini atau masa depan. Kata bantu ini boleh disamakan dengan unsur kala atau ‘tenses’ dalam bahasa Inggeris. Unsur kala (tenses) yang dapat dikenalpasti dalam variasi kreol Kristang terbahagi kepada tiga jenis iaitu:

- i) untuk menjelaskan masa kini - ***ta***
- ii) untuk menerangkan masa lampau - ***ja***
- iii) untuk menjelaskan masa depan - ***logu, kere*** atau ***lo*** yang mempunyai fungsi yang sama tetapi bentuk yang berbeza

a) **Kata bantu aspek masa kini - *ta***

Dalam variasi kreol Kristang kata bantu aspek kala kini iaitu ***ta*** biasanya wujud bersama-sama kata kerja yang bermaksud ‘sedang’ dalam bahasa Melayu atau ‘sedang melakukan sesuatu pada masa itu’.

Contoh : (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan II, MS 126 dan data informan*)

- a) *Yo ta santa (Kristang)*
Saya sedang duduk (B.M.)
- b) *Yo ta kumi aros (Kristang)*
Saya sedang makan nasi (B.M.)
- c) *Mia familia empodi santa susegadu ta spara kere ngkontra kum bos (Kristang)*
Saya keluarga sedang menunggu anda (B.M.)

b) **Kata bantu aspek masa lampau - *ja***

Kata bantu aspek *ja* dalam variasi Kristang wujud bersama-sama dengan kata kerja aktif dalam konteks masa yang berbeza iaitu masa lampau atau keadaan sudah berlaku. Hal ini dapat dijelaskan dalam contoh berikut :

Misalnya :- (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan II, MS 127*)

- i) ja dalam masa lampau
- a) *Isti tradisang ja kaba (Kristang)*
Tradisi ini telah pupus (B.M.)

- b) *Eli ja bai mar onti anoti (Kristang)*
Dia pergi ke laut malam tadi (B.M.)

- ii) ja dalam keadaan sudah berlaku
- a) *Kora yo chega nali eli ja bai (Kristang)*
Bila saya datang dia sudah pergi (B.M.)

- b) *Yo ja fika abo emia mulir abo femi (Kristang)*
Saya sudah menjadi datuk dan saya isteri nenek (B.M.)

Daripada contoh di atas, dapat disimpulkan kata bantu aspek *ja* variasi kreol Kristang berfungsi sebagai penanda kala masa lampau yang membawa maksud sesuatu yang sudah berlaku seperti dalam contoh (i)(a) dan (ii)(a). Tetapi dalam contoh (i)(b) pula, dapat dianalisis variasi Kristang menggunakan *ja* sebagai penanda kata lampau namun ayat bahasa Melayu tidak menunjukkan makna ‘sudah’. Ia hanya berfungsi sebagai unsur kepastian tentang sesuatu perkara yang telah berlaku. Jadi *ja* tidak dapat dipadankan dengan makna ‘sudah’ dalam konteks ini.

c) **Kata bantu aspek masa depan - *lo* atau *logu***

Kata bantu aspek *logu* atau *lo* merupakan penanda kala masa depan yang biasanya wujud dengan kata kerja aktif dan kadang-kadang dengan kata adjektif. Penggunaan penanda kala masa depan *logu* atau *lo* dalam variasi Kristang menunjukkan keadaan sesuatu atau aksi yang tidak mempunyai nilai kebenaran dalam konteks ayat tetapi sekadar unsur andaian atau jangkaan sesuatu akan berlaku.

Misalnya :- (*Rujuk Lampiran I, Sesi Perbualan III, MS 129*)

- a) *Nos sibri fachi mas ozi yo logu kami kum kulir garfu (Kristang)*
Kami guna sepit tetapi hari saya akan guna sudu dan garpu (B.M.)
- b) *Kantu yo teng doi yo lo lampra kareta (Kristang)*
Jika saya mempunyai wang saya akan membeli kereta (B.M.)
Kalu gua ada duit gua akan beli kereta (Bazaar Melayu)

Daripada data informan dan contoh di atas, jelas menunjukkan penanda kala depan *lo* atau *logu* variasi Kristang mempunyai fungsi dan makna yang seakan-akan sama dengan variasi kreol Melaka yang lain iaitu Bazaar Melayu dengan maksud ‘akan’ seperti dalam contoh b(ii). Walaupun persamaan dari segi fungsi wujud tetapi penggunaan ‘akan’ sebagai penanda kala depan dalam variasi Bazaar Melayu bersifat opsional dan kurang kerap digunakan berbanding dengan *lo* atau *logu* dalam variasi Kristang.

Satu lagi unsur ketara yang dapat dikenalpasti tentang penanda kala depan *lo* atau *logu* variasi Kristang (data informan) ialah kekerapan penggunaan penanda ini dalam konteks ayat yang membawa maksud ‘akan’.

Lihat contoh berikut :

Misalnya :- (*Data informan & pemerhatian kendiri*)

- a) *Yo logu santa (Kristang)*
Saya (akan) duduk (B.M.)
Saya duduk
- b) *Yo logu kumi aros (Kristang)*
Saya (akan) makan nasi (B.M.)
Saya makan nasi

4.7 Kata partikel

Kata partikel ialah perkataan yang memberi penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. Kata partikel yang lazim digunakan dalam konteks ayat variasi Kristang ialah partikel *ka* dan *la* yang menegaskan bahagian frasa predikat.

Partikel *ka* dapat dikenalpasti penggunaannya bersama-sama ayat pertanyaan variasi kristang yang memerlukan jawapan ya - *seng* atau tidak - *engka*.

Misalnya :- (*Data informan*)

- a) *Seng ka eli, yo sek mai? (Kristang)*
Ya, kah ia saya emak (B.M.)
- b) *Seng, yo engka bai skule ontik (Kristang)*
Ya, saya tidak pergi sekolah semalam (B.M.)
- c) *Bo engka bai seng ka? (Kristang)*
Anda tidak pergi, yakah?(B.M.)
- d) *Bo ja kumi, engka ka? (Kristang)*
Anda sudah makan, tidakkah?(B.M.)

Fungsi partikel *ka* di dalam konteks ayat variasi Kristang biasanya wujud bersama unsur yang diberi penegasan atau difokuskan dalam ayat. Partikel *ka* ini kemungkinan merupakan unsur peminjaman daripada nahu Bahasa Melayu kerana dari segi fungsi dan bentuk partikel variasi Kristang ini mempunyai persamaan dengan partikel *kah* bahas Melayu dan hal ini dapat dibuktikan daripada contoh ayat di bawah.

Misalnya :- (*Data informan*)

Seng ka eli engka bai skule ontik? (Kristang)
Betulkah dia tidak pergi ke sekolah semalam?(B.M.)

Daripada analisis data informan satu lagi fungsi partikel *seng* yang dapat dilihat ialah sebagai kata-kata yang mengesahkan sesuatu pertanyaan yang dikemukakan yang membawa maksud ‘ya’ atau ‘betul’ dalam bahasa Melayu. Partikel *seng* ini digunakan sebagai ujaran ringkas yang memberi respons kepastian terhadap sesuatu perkara.

Misalnya :- (*Data informan*)

- a) *Nonis ta bai mar? Seng. (Kristang)*
Adakah Nonis pergi ke laut? Ya. (B.M.)
- b) *Teng ka, Nonis bai greza? Seng. (Kristang)*
Adakah Nonis pergi ke gereja? Ya. (B.M.)

4.8 Kata penegas

Kata penegas ialah perkataan yang memberi penekanan pada unsur-unsur tertentu dalam sesuatu ayat. Unsur *la* dalam variasi kreol kristang lazimnya wujud pada bahagian predikat ayat dan berfungsi sebagai unsur penegasan.

Misalnya :- (*Data informan*)

Eli ja pari na Melaka la (Kristang)
Dia dilahirkan di Melakalah (B.M.)

Bukti di atas jelas menunjukkan penggunaan unsur *la* dalam konteks ayat variasi Kristang yang menunjukkan fungsi penegasan. Unsur *la* ini juga dapat dikenalpasti sebagai elemen linguistik dan mempunyai fungsi yang sama di dalam struktur tatabahasa variasi kreol Baba-Melayu, Bazaar Melayu, bahasa Melayu standard dan dialek Hokkien (*Chia, F 1980:50*).

Kemungkinan unsur *la* ini asalnya daripada dialek Hokkien yang diserapkan sebagai unsur pinjaman kerana ia wujud dalam variasi kreol Melaka yang lain seperti variasi Baba-Melayu, Bazaar Melayu dan kreol Kristang akibat pertembungan budaya barat (Portugis) dan timur seperti menepati kata-kata Lim iaitu ‘...its origin ultimately being Hokkien...’ (**Lim 1981:61-65**).

Misalnya :-

Lu tanya dia la (Baba-Melayu)
Anda tanya dialah (B.M.)
Lu m'ng eela (Hokkien)

4.9 Kata seru

Kata seru ialah perkataan yang digunakan untuk melahirkan pelbagai perasaan atau emosi seperti marah, geram, terperanjat dan sebagainya. Dalam variasi Kristang juga terdapat kata-kata seru yang lazim digunakan dalam perbualan harian komuniti Kristang terutamanya di kalangan kaum wanita Kristang yang biasanya bertutur, maki atau sumpah (curse) di dalam variasi kreol Kristang. Mereka sedar untuk memelihara bahasa ibunda yang unik ini, penggunaannya yang berterusan perlu diperturunkan dari satu generasi ke generasi lain. (Sila rujuk rajah 7)

Misalnya :- (*Data informan*)

Rajah 7 Kata Seru Kristang – B.M.

Kristang	B.M.	Perasaan
<i>adoi!</i>	<i>aduh!</i>	sakit
<i>oh maiyo!</i>	<i>aiyo!</i>	takut
<i>alama!</i>	<i>alamak!</i>	terperanjat
<i>da!</i>	<i>cis!</i>	marah

- a) *Adoi! Yosa featu dueh (Kristang)*
Aduh! Sakitnya kaki saya (B.M.)
- b) *Da! Keransa umgratu (Kristang)*
Cis! Anak derhaka (B.M.)
- c) *Oh maiyo! Ter mure (Kristang)*
Aiyo! Matilah saya (B.M.)

Daripada contoh-contoh di atas, jelas menunjukkan penggunaan kata seru variasi Kristang mempunyai persamaan dari segi makna dengan penjenisan kata seru variasi bahasa Melayu dan lazim digunakan secara meluas dalam komunikasi harian mereka. Selain dari itu, penggunaan kata-kata sumpah (swear words) seperti *oh deaus* - Kristang dengan maksud literalnya iaitu ‘ya allah’ atau *oh my god* - bahasa Inggeris juga telah dapat dikenalpasti daripada data informan. Ini ternyata tidak kira kaum atau budaya, sesebuah komuniti yang menggunakan sama ada variasi dialek, kreol atau bahasa sebagai perantara komunikasi sehari-hari tetap mempunyai pelbagai elemen linguistik yang dapat menggambarkan perasaan atau emosi individu dalam pertuturan misalnya perjenisan kata seru yang telah dibincangkan di atas.

Kesimpulan

Memang tidak dapat dinafikan, daripada perbincangan di atas, pertembungan budaya menjadi salah satu faktor tentang kewujudan pelbagai variasi kreol di Melaka seperti variasi kreol Baba-Melayu, Bazaar Melayu dan kreol Kristang yang kemudiannya telah menjadi perantara komunikasi yang sebatik dalam pertuturan sekelompok masyarakat minoriti. Dengan lahirnya variasi kreol tempatan ini, banyak elemen-elemen linguistik seperti unsur pengelasan kata iaitu golongan kata nama, kata gantinama, kata kerja, kata adjektif, kata tugas dan lain-lain telah menjadi fokus perbincangan saya di dalam bab morfologi ini berpandukan bukti-bukti dari data informan.